

PERSEPSI PEKERJA BINAAN TERHADAP ISU KESELAMATAN DI TAPAK BINA

DAYANG NURHAZLINDA BINTI AWANG KARIM

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2010

ABSTRAK

Industri pembinaan merupakan salah satu industri yang merbahaya berbanding yang lain. Terdapat hubung kait yang rapat di antara keselamatan dan juga persepsi pekerja mengenai aspek keselamatan ini. Persepsi ini perlu diutamakan dan tidak boleh dipandang remeh oleh semua pihak. Persepsi pekerja terhadap aspek keselamatan ini juga memainkan peranan sebagai menjaga diri mereka mahupun keselamatan sesebuah organisasi. Masalah timbul apabila persepsi pekerja dipengaruhi dengan budaya keselamatan, institusi dan persekitaran tempat kerja yang negatif dan ini menyebabkan berlakunya kemalangan. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi persepsi pekerja terhadap keselamatan di tapak bina. Skop kajian tertumpu hanya di sekitar kawasan pembinaan di Johor Bahru. Responden terdiri daripada dua pihak iaitu pihak buruh dan pihak pengurusan projek. Metodologi yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik dengan menggunakan teknik soalan Likert Scalling, Ya/Tidak dan Kategori. Kaedah analisis statistik yang digunakan ialah frekuensi analisis dan purata indeks. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua pihak mempunyai faktor berbeza yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan. Bagi pihak buruh, mereka memikirkan punca utama berlakunya kemalangan ialah disebabkan kurang penglibatan dan komitmen pekerja dalam mengurus keselamatan. Manakala bagi pihak lain, iaitu pihak pengurusan projek, mereka memikirkan bahawa punca utama berlakunya kemalangan adalah disebabkan mereka sendiri kurang kecekapan dalam menguruskan projek pembinaan. Kesimpulannya, kajian ini boleh digunakan untuk menyediakan latihan kepada pihak buruh dan pengurusan bagi memperbaiki kecekapan mereka dari segi mengurus masalah keselamatan di tapak bina.

ABSTRACT

Construction is one of the most hazardous industries compare with others. There is a close connection between safety and workers' perception toward safety. This perception maybe prioritised which should not be taken lightly by all parties. The workers' perception may also play a role in providing their safety and also their organizations. The problems are the workers' perceptions can be influenced negatively by culture, institution, and an environment that could cause accidents. The objective of the study is to identify the factors that can influence workers' perception towards safety in construction site. The scope of this research is confined to construction sites in Johor Bahru. The respondents are labourer and project management team. The methodology used to collect data is by questionnaire using Likert Scaling, Yes/No and Category technique. The statistical analysis used to analized the data are frequency analysis and index average. The analysis showed that both parties provided different factors for causes of accident. On the one hand, on the part of labourer, they thought that the main cause of accident was their lack of commitment and involvement in safety management. On the other hand, on the part of project management team, their thought of the main cause of accident was their own incompetency in managing the construction project. In summary, this research can be used to provide training to labourers and management to improve their competency in managing safety matters at construction site.